

# APMM tahan bot Vietnam, buat rampasan RM1.5 juta

HM 23/12/2023 MIS 4

**Kuala Terengganu:** Sebuah bot nelayan Vietnam ditahan Agensi Penguatan Kuasa Maritim Malaysia (APMM) yang menceroboh perairan negara membabitkan rampasan bernilai hampir RM1.5 juta.

Bot berkenaan ditahan dalam Op Naga Barat pada jarak 133 batu nautika dari Kuala Terengganu jam 12.30 tengah hari Rabu lalu.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, kapal yang melakukan rondaan mengesan bot mencurigakan dipercayai milik nelayan Vietnam disyaki melakukan aktiviti penangka-

pan hasil laut di perairan Malaysia tanpa izin.

Beliau berkata, empat kru termasuk tekong ditahan manakala bot termasuk hasil tangkapan laut seberat 3.5 tan, bekalan diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai hampir RM1.5 juta dirampas.

"Bot dan semua kru berusia antara 29 hingga 61 tahun dibawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu dan mereka menjalani saringan Covid-19 sebagai langkah pencegahan.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya dalam satu kenyataan semalam.